

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN DAN KELULUSAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-35****OBJEKTIF SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS)
TAHUN 2017****Tujuan**

1. Kertas ini disediakan bertujuan untuk memaklum dan mendapat kelulusan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai objektif Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) tahun 2017.

Latar Belakang

2. Objektif EMS di UPM dibangunkan hasil daripada penilaian aspek impak alam sekitar yang signifikan. Sebanyak tujuh (7) objektif EMS UPM yang digunakan bermula tahun 2013 hingga 2016.

3. Penilaian aspek impak alam sekitar telah dibuat menerusi Daftar Aspek Impak EMS Edisi 3.0 yang telah berkuatkuasa pada 24 Mac 2017. Berdasarkan penilaian tersebut, didapati sebanyak 35 aspek persekitaran yang signifikan dengan alam sekitar di UPM. Semua aktiviti yang signifikan ini mempunyai kawalan yang dilaksanakan di UPM.

4. Berdasarkan hasil penilaian tersebut, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja EMS pada 27 April 2017 telah membuat semakan Objektif EMS dan bersetuju menambahbaik objektif EMS berdasarkan ketentuan berikut:

- 4.1 terpakai kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling sahaja; dan
- 4.2 penilaian impak (Kebarangkalian Berlaku Pencemaran, Darjah Kerosakan kepada Alam Sekitar dan Kepentingan kepada Organisasi) adalah 'H' (tinggi/high).

Perubahan Objektif EMS Tahun 2017

6. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja EMS bersetuju perubahan Objektif EMS adalah sebagaimana **Jadual A**.

Jadual A: Objektif EMS UPM

Objektif Tahun 2013 - 2016	Objektif Tahun 2017
1. Penjimatan penggunaan kertas; 2. Penjimatan tenaga elektrik; 3. Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel; 4. Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik; 5. Pengendalian radioaktif mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan; 6. Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan; dan 7. Pengendalian sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan	1. Penjimatan penggunaan kertas; 2. Penjimatan tenaga elektrik; 3. Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel; 4. Pengendalian kemudahan yang mencemar ke udara mengikut perundangan yang ditetapkan

7. Manakala perincian Objektif EMS yang akan dipantau dan diukur pada tahun 2017 adalah sebagaimana **Lampiran 1**.

Syor

8. Ahli mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM dimohon beri perhatian perkara berikut:

- (a) mengambil perhatian perubahan Objektif EMS tahun 2017 berdasarkan penilaian aspek impak EMS terkini berkuatkuasa 24 Mac 2017;
- (b) meluluskan Objektif EMS baharu tahun 2017 yang akan mula berkuatkuasa pada tarikh mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-33 dan akan diukur pencapaian bagi tempoh Julai hingga Disember 2017.

**OBJEKTIF SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS) MS ISO 14001
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
TAHUN 2017**

Bil	Objektif	Peneraju	Base line	Sasaran
1.	Penjimatan penggunaan kertas	Pejabat Bursar	100% (Berdasarkan penggunaan tahun sebelumnya)	2%
2.	Penjimatan tenaga elektrik	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset	100% (Berdasarkan bacaan meter tahun 2013)	6%
3.	Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	100% (Berdasarkan pemeriksaan kenderaan (bas) secara berkala oleh PUSPAKOM)	100%
4.	Pengendalian kemudahan yang mencemar ke udara mengikut perundangan yang ditetapkan:			
	i. <i>Incenerator</i>	Fakulti Sains dan Pertanian Makanan (Bintulu)	100% (Patuh keperluan peraturan kualiti alam sekeliling udara bersih 2014)	100%
	ii. <i>Boiler</i>	Fakulti Sains Teknologi dan Makanan	100% (Patuh keperluan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014)	100%
	iii. Kebuk Wasap	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	100% (Patuh keperluan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014)	100%